

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JUNE 2017

Ancaman geopolitik baharu - Najib

Umm- 10/6/2017
pg. 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia berdepan cabaran terbaharu susulan ancaman risiko geopolitik serius susulan krisis yang sedang berlaku di negara luar.

Perdana Menteri berkata, risiko berkenaan terpaksa dihadapi dan ditangani sebaiknya dengan mengambil kira beberapa ancaman yang sedang berlaku itu antaranya krisis diplomatik antara negara-negara teluk serta ancaman program peluru berpandu balistik Korea Utara.

Selain itu, kata beliau, keputusan pilihan raya umum United Kingdom (UK) dan rundingan Brexit juga telah membawa kepada peningkatan daripada segi ketidaktentuan geopolitik.

"Kita menyedari risiko baharu yang lebih serius yang terpaksa kita tangani iaitu risiko geopolitik.

"Inilah satu fenomena baharu sebagai sebuah negara yang terpaksa kita pantau dan terpaksa membuat langkah-langkah dan keputusan tepat," katanya.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata demikian dalam sidang akhbar selepas memengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Presiden yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Ha-



NAJIB TUN RAZAK berbual sesuatu dengan Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Hishammuddin Tun Hussein selepas sidang media sempena Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

mid; Naib Presiden, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Setiausaha Agung, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Ketua Penerangan, Tan Sri Annuar Musa; Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil; Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dan Ketua Puteri UMNO, Datuk Mas Ermieyati Samsudin.

Najib berkata, Malaysia juga sentiasa mengikuti perkemba-

ngan semasa dengan beberapa siri serangan keganasan yang merupakan ancaman besar kepada negara.

Kata beliau, selain soal politik serta keselamatan serantau, perkembangan positif tahap ekonomi dunia dijangka memberi impak memberangsangkan serta kedudukan dan pencapaian baik ekonomi negara berkembang 5.6 peratus pada suku pertama 2017.

Inilah satu fenomena baharu sebagai sebuah negara yang terpaksa kita pantau dan terpaksa membuat langkah-langkah dan keputusan tepat."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri